

## **ABSTRAK**

Pertikaian merupakan salah satu risiko yang wujud dalam transaksi perniagaan, termasuklah dalam perbankan Islam. Dalam konteks penyelesaian pertikaian, pengguna perbankan Islam mempunyai keperluan yang berbeza dengan pengguna perbankan konvensional dalam aspek spiritualnya. Realitinya, kedudukan pengguna pada umumnya adalah lemah berbanding peniaga. Oleh itu, pengguna perbankan Islam perlu mendapatkan perlindungan yang sewajarnya. Permasalahan utama di Indonesia adalah dalam aspek perundangan yang berkenaan. Terdapat peruntukan perundangan yang tidak harmoni, tidak lengkap dan tidak berasaskan kepada hak pengguna yang sebenar. Selain itu, terdapat juga peruntukan yang menimbulkan permasalahan dualisme bidang kuasa mahkamah dalam penyelesaian pertikaian perbankan Islam. Hal ini menjurus ke arah ketidakpastian undang-undang. Wujudnya permasalahan dalam institusi dan mekanisme penyelesaian pertikaian perbankan Islam juga dapat membawa keputusan penghakiman yang mengelirukan. Permasalahan ini menjustifikasi keperluan perlindungan pengguna dalam bidang ini. Bagi mengatasi pelbagai permasalahan tersebut, penyelidikan ini mengguna pakai kaedah doktrinal yang berasaskan analisis kandungan, dengan menerapkan empat jenis pendekatan undang-undang iaitu: (i) sejarah/historis; (ii) jurisprudens/falsafah; (iii) perbandingan; serta (iv) analitis dan kritis. Selain itu, pendekatan harmonisasi juga diperlukan bagi mendapatkan keselarian perundangan dengan falsafah Islam dan falsafah perlindungan pengguna. Tesis ini mendapati bahawa sistem penyelesaian pertikaian pengguna perbankan Islam di Indonesia tidak berasaskan pada keperluan dan hak-hak pengguna secara sebenar dan menyeluruh sehingga tidak menyokong perlindungan pengguna perbankan Islam. Dengan menjadikan Malaysia sebagai rujukan, tesis ini bertujuan mengenal pasti amalan penyelesaian pertikaian perbankan Islam yang berperspektifkan perlindungan pengguna perbankan Islam serta pemerkasaannya di Indonesia. Bagi memenuhi tujuan ini, perlu memperhatikan ‘hak spiritual’ pengguna dan konsep ‘perlindungan syariah’. Selain hal tersebut, penstrukturkan semula ke atas sistem sedia ada di Indonesia adalah diperlukan dengan cara harmonisasi perundangan, penambahbaikan institusi dan mempelbagaikan mekanisme penyelesaian pertikaian perbankan Islam yang disesuaikan dengan perkembangan era global.

## **ISLAMIC BANKING DISPUTE SETTLEMENT IN INDONESIA FROM THE CONSUMER PROTECTION PERSPECTIVE**

### **ABSTRACT**

Dispute is one of the risks which exist in any business transactions, including in the realm of Islamic banking. In the context of dispute settlement, Islamic banking consumers have different needs as compared to the conventional consumers in the spiritual aspect. In reality, consumers are in a weaker position as compared to traders. Therefore, Islamic banking consumers are in need of an appropriate protection. The main problem in Indonesia is associated to the current law applicable to Islamic banking. There exist legal provisions which are disharmony, non-comprehensive and are not based on consumers' rights. Besides that, there exist also provisions which lead to the problem of court's jurisdictional dualism in the settlement of Islamic banking disputes. This leads to uncertainties in the law. The institutional problems and problems associated to the settlement mechanisms could also lead to confusion in the judgments. These problems indeed evinced the need for an appropriate consumer protection in this area. In overcoming these problems, this doctrinal research adopts the content analysis methodology, with the four legal approaches, namely, (i) historical; (ii) jurisprudential; (iii) comparative; and (iv) analytical and critical. The research also adopts the harmonization approach in harmonizing the current laws on Islamic banking in Indonesia with the Islamic jurisprudence and the consumer protection philosophy. The findings of this thesis show that consumers' Islamic banking dispute settlement system in Indonesia is not based on the consumers' needs and rights in its real sense. With Malaysia as a reference, this thesis aims at identifying the practice of Islamic banking dispute settlement with a consumer protection perspective and its enhancement in Indonesia. Towards this aim, should consider 'the spiritual right' of consumer and 'shariah protection' concept. Moreover, a restructuring of the existing system in Indonesia is needed through harmonization of the laws, institutional enhancement and a diversification of Islamic banking dispute settlement mechanisms with a global niche.